BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan

BNM

Bil. 37 No. 4

Suku Keempat 2022 S4

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Halaman sengaja dikosongkan.

Kandungan

MS 5 Sorotan Penting

MS 7 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

MS 11 Perkembangan Ekonomi Malaysia

MS 27 Perkembangan Monetari dan Kewangan

MS 33 Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

MS 35 Tinjauan Makroekonomi

MS 37 Tambahan

Halaman sengaja dikosongkan.

Sorotan: S4 2022

KDNK meningkat sebanyak 7.0% pada S4 2022, didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri

Ekonomi berkembang sebanyak 8.7% pada tahun 2022

KDNK Benar

Pertumbuhan tahunan
2022: 8.7%
2021: 3.1%



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan pada S4 2022 disokong oleh:

Perubahan tahunan (%)

Perbelanjaan isi rumah yang stabil
Penggunaan Swasta:
7.4%

Aktiviti pelaburan berterusan
Pelaburan Swasta:
10.3%

Permintaan terhadap E&E berdaya tahan serta aktiviti pelancongan kembali pulih
Eksport Barangan & Perkhidmatan:
9.6%

Inflasi keseluruhan menjadi sederhana pada S4 2022

Inflasi keseluruhan berpurata pada 3.3% pada tahun 2022

Inflasi

Perubahan tahunan (%),
Sumbangan kepada inflasi keseluruhan
(mata peratusan, mp)



Faktor mempengaruhi inflasi pada S4 2022

Inflasi elektrik lebih rendah
Kesan asas luput

Harga komoditi global semakin berturun namun kekal tinggi
Tekanan harga lebih rendah bagi beberapa barangan pengguna

Inflasi makanan segar lebih rendah
Seperti daging segar dan telur

Diimbangi sebahagiannya oleh

Inflasi teras yang lebih tinggi*
Permintaan yang terus bertambah baik dalam persekitaran kos yang tinggi

* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Halaman sengaja dikosongkan.

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Sorotan

- Pertumbuhan global menjadi sederhana pada suku keempat tahun 2022.
- Eksport serantau pada amnya menguncup.
- Pasaran kewangan global terus tidak menentu.

Pertumbuhan global lebih sederhana

Pertumbuhan global terus sederhana pada suku keempat tahun 2022. Aktiviti perkilangan dan perkhidmatan semakin perlahan, khususnya di ekonomi-ekonomi maju, apabila kadar faedah yang lebih tinggi mula meninggalkan kesan yang lebih ketara terhadap permintaan dalam negeri. Perdagangan antarabangsa juga menjadi perlahan. Inflasi keseluruhan mula menurun daripada tahap tinggi berikutan harga komoditi yang lebih rendah dan keadaan rantaian bekalan global yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, inflasi asas kekal tinggi, disebabkan oleh pasaran pekerja yang terus ketat. Di China, kegiatan ekonomi telah menjadi perlahan susulan penularan semula kes COVID-19 yang teruk, terutamanya menjelang separuh kedua suku keempat tahun 2022. Sekatan pergerakan yang sporadik, penghindaran risiko serta ketidakhadiran pekerja telah menjejaskan perbelanjaan pengguna dan pengeluaran perindustrian dengan ketara.

R1 **Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih**



Sumber: Pihak berkuasa negara

Eksport serantau mula menguncup

Eksport serantau menguncup pada suku keempat. Hal ini mencerminkan permintaan global yang semakin perlahan dan penggunaan yang terus beralih daripada barangan kepada perkhidmatan. Keadaan ini ditunjukkan oleh permintaan dalam sektor elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E) yang terus berkurang. Harga komoditi yang lebih rendah juga menjejaskan eksport pengeluar komoditi.

R2 Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)

Perubahan tahunan (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

R3 Indeks Volatiliti (VIX) CBOE



Sumber: Bloomberg

Volatiliti berterusan dalam pasaran kewangan global

Pasaran kewangan global terus tidak menentu pada suku keempat (VIX CBOE, S4 2022: 25.0; S3 2022: 24.8; Purata 2011-2019: 16.2). Volatiliti pada awal bulan Oktober telahpun meningkat berikutan kebimbangan tersebarnya kegawatan pasaran bon kerajaan UK, yang akhirnya reda melalui intervensi Bank of England. Indeks tersebut kemudiannya menurun susulan pengumuman minit mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) untuk bulan September, yang memberikan keyakinan kepada pelabur bahawa kadar faedah akan dinaikkan pada kadar yang lebih perlahan. Volatiliti melonjak kembali buat seketika pada awal bulan Disember, disebabkan oleh ketidakpastian berhubung dengan keputusan mesyuarat FOMC pada bulan Disember. Volatiliti seterusnya menjadi sederhana kerana kenaikan kadar faedah sebanyak 50 mata asas adalah dalam jangkaan pelabur.

Harga minyak mentah Brent berpurata lebih rendah sebanyak USD90 setong pada suku keempat (purata S3 2022: USD98 setong), disebabkan oleh permintaan minyak yang lebih lemah kerana pertumbuhan global yang sederhana.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Sorotan

- Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 7.0% pada suku keempat tahun 2022.
- Inflasi keseluruhan menjadi sederhana pada suku tersebut.
- Lebihan akaun semasa yang lebih tinggi sebanyak RM25.7 bilion, atau 5.5% daripada KDNK.

KDNK sederhana pada suku keempat tahun 2022

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.0% pada suku keempat tahun 2022 berbanding dengan 14.2% pada suku ketiga apabila sokongan daripada langkah-langkah rangsangan dan kesan asas yang rendah[1] berkurang. Pada 7.0%, pertumbuhan pada suku keempat masih mengatasi purata pertumbuhan jangka panjang iaitu 5.1%[2]. Pada asas suku tahun ke suku tahun terlaras secara bermusim, ekonomi negara mencatatkan penurunan sebanyak 2.6% (S3 2022: 1.9%). Pada tahun 2022 secara keseluruhan, ekonomi negara berkembang sebanyak 8.7% (2021: 3.1%).

R4 **Pertumbuhan KDNK Benar**

Perubahan tahunan dan suku tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[1] Kesan asas yang rendah berpunca daripada pertumbuhan ekonomi yang berkurang pada suku ketiga tahun 2021 (-4.5%). Keadaan ini sebahagiannya menyumbang kepada pertumbuhan yang tinggi setahun kemudian, iaitu 14.2% pada suku ketiga tahun 2022.

[2] Purata antara S1 2011 hingga S4 2019.

R5 Pertumbuhan Tahunan Sektor Ekonomi

Perubahan tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R6 Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK Benar

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Semua sektor ekonomi berkembang

Semua sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan pada suku keempat tahun 2022. Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 8.9% (S3 2022: 16.7%), disokong oleh subsektor berkaitan pengguna berikutan keadaan pasaran pekerja yang lebih baik dan pemulihan berterusan dalam aktiviti pelancongan. Sektor perkhidmatan juga meraih manfaat daripada peningkatan dalam aktiviti perkhidmatan harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Sektor perkilangan meningkat sebanyak 3.9% (S3 2022: 13.2%). Meskipun mengalami jualan semikonduktor global yang lebih perlahan, kelompok E&E kekal berkembang berikutan proses penyelesaian tunggakan pesanan sedia ada. Sementara itu, segmen berkaitan sumber terus berkembang didorong oleh pengeluaran yang lebih tinggi di loji penapisan minyak utama di Johor yang beroperasi semula pada suku sebelum ini.

Pengeluaran berterusan dalam segmen pengguna didorong oleh segmen makanan dan minuman menjelang musim perayaan, serta segmen kenderaan motor dan peralatan pengangkutan untuk memenuhi tunggakan pesanan.

Sektor pembinaan berkembang sebanyak 10.1% (S3 2022: 15.3%). Paling ketara, subsektor kejuruteraan awam dan bukan kediaman disokong oleh kemajuan berterusan projek infrastruktur, komersial dan industri yang besar.

Sektor berkaitan komoditi terus berkembang. Sektor perlombongan berkembang sebanyak 6.8% (S3 2022: 9.2%), disebabkan oleh peningkatan berterusan dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli. Sektor pertanian berkembang sebanyak 1.1% (S3 2022: 1.2%) disokong oleh pertumbuhan dalam pengeluaran minyak sawit, kerana kadar hasil menerima manfaat daripada taburan hujan yang lebih tinggi pada awal tahun 2022 dalam keadaan isu kekurangan tenaga kerja yang bertambah baik.

R7 Pertumbuhan Tahunan KDNK Benar Mengikut Komponen Perbelanjaan

Perubahan tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R8 Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri meningkat sebanyak 6.8% (S3 2022: 13.1%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta.

Penggunaan swasta berkembang sebanyak 7.4% (S3 2022: 15.1%) disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan langkah-langkah dasar. Perbelanjaan didorong oleh penggunaan barangan keperluan, khususnya untuk pengangkutan serta perumahan dan utiliti, serta komponen segmen budi bicara terpilih seperti perkhidmatan rekreasi dan budaya.

Penggunaan awam meningkat sebanyak 2.4% (S3 2022: 4.5%), mencerminkan sokongan berterusan daripada perbelanjaan untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan oleh Kerajaan.

Pelaburan meningkat dengan stabil

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.8% (S3 2022: 13.1%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta dan awam. Dari segi jenis aset, pelaburan struktur meningkat sebanyak 9.9% (S3 2022: 16.7%), manakala pelaburan jentera dan peralatan (*machinery and equipment*, M&E) serta aset lain masing-masing meningkat sebanyak 8.6% (S3 2022: 10.7%) dan 3.0% (S3 2022: 6.6%).

Pelaburan swasta berkembang sebanyak 10.3% (S3 2022: 13.2%), didorong oleh perbelanjaan modal yang berterusan merentas semua sektor. Pelaburan dalam struktur disokong oleh projek pembinaan yang terus giat dilaksanakan, khususnya dalam sektor bukan kediaman. Sementara itu, pelaburan M&E menerima manfaat daripada pengembangan kapasiti syarikat berikutan permintaan yang berterusan.

Pelaburan awam berkembang sebanyak 6.0% (S3 2022: 13.1%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal yang berterusan oleh syarikat awam.

R9 **Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset**

Perubahan tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi keseluruhan menjadi sederhana pada suku keempat

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 3.9% pada suku keempat (S3 2022: 4.5%). Seperti yang dijangkakan, inflasi keseluruhan yang lebih rendah sebahagian besarnya disebabkan oleh luputnya kesan asas inflasi elektrik.[3] Keadaan ini juga berikutan penurunan harga komoditi global utama yang sebahagiannya menyebabkan inflasi yang lebih rendah dalam beberapa barangan IHP, termasuk bahan api. Inflasi bagi beberapa item makanan ruji utama, seperti daging segar dan telur, juga menjadi sederhana pada suku keempat.

Walau bagaimanapun, kesan penurunan sebahagiannya diimbangi oleh inflasi teras yang meningkat kepada 4.2% (S3 2022: 3.7%). Peningkatan ini mencerminkan permintaan dalam negeri yang terus kukuh. Mengikut komponen, peningkatan inflasi teras kebanyakannya didorong oleh perkhidmatan teras[4] dan beberapa kategori perbelanjaan budi bicara.[5] Sehubungan dengan itu, tekanan harga kekal meluas sepanjang suku keempat, meskipun telah berkurang. Bahagian barangan IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan kekal melebihi purata yang dicatatkan sebelum ini (S4 2022: 51.2%; S3 2022: 58.1%; purata 2011-2019: 45.6%).

R10 Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan, mp)



[3] Kesan asas ini disebabkan oleh diskaun bil elektrik yang dilaksanakan pada S3 2021 menerusi skim Diskaun Bil Elektrik PEMULIH.

[4] Perkhidmatan teras termasuk makanan di luar rumah, pembaikan dan penyelenggaraan untuk pengangkutan persendirian serta sewaan.

[5] Kategori perbelanjaan budi bicara termasuk perbelanjaan di restoran dan kafe serta perkhidmatan kebudayaan.

R11 Perubahan Bulan ke Bulan dalam Harga Barangan IHP*

Peratusan barangan IHP (%)



* Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pemulihan pasaran pekerja mampan

Keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik secara stabil pada suku keempat, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Kadar pengangguran dan kadar guna tenaga tidak penuh terus menurun secara beransur-ansur masing-masing kepada 3.6% dan 1.0% daripada tenaga kerja (S3 2022: masing-masing 3.7% dan 1.1%). Penurunan ini disokong oleh pertumbuhan guna tenaga yang mampan dan pengembangan tenaga kerja yang berterusan. Kadar penyertaan tenaga kerja meningkat kepada 69.5% (S3 2022: 69.4%; S4 2019: 69.1%). Sementara itu, data Skim Insurans Pekerjaan (SIP) menunjukkan kadar pengambilan pekerja kembali ke paras normal manakala tuntutan pengangguran kekal rendah pada suku keempat serta berada di bawah purata sebelum pandemik (purata 2019: 10,021 orang setiap suku tahun).

Pertumbuhan upah sektor swasta menjadi sederhana pada suku keempat tahun 2022. Dari segi momentum, pada asas suku tahun ke suku tahun terlaras secara bermusim, pertumbuhan upah menjadi sedikit negatif (-0.2%; S3 2022: 0.9%; purata 2015-2019: 1.3%). Trend ini sejajar dengan perkembangan KDNK.

R12 **Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah**

Perubahan tahunan (%)



Nota: Kadar pertumbuhan gaji sektor swasta merujuk kadar pertumbuhan upah pekerja dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

R13 Tuntutan Pengangguran dan Kadar Penempatan Pekerjaan



Nota: Tuntutan pengangguran merujuk bilangan penganggur yang memohon manfaat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berikutan kehilangan pekerjaan. Kadar penempatan pekerjaan merujuk bilangan pekerja yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu melalui SIP bagi setiap 100 pekerja yang diberhentikan kerja.

Sumber: Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial

R14 Eksport Kasar Mengikut Keluaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Pertumbuhan eksport dan import yang lebih sederhana

Pertumbuhan eksport kasar menurun kepada 11.8% (S3 2022: 38.3%), sejajar dengan permintaan luaran yang lebih lemah. Penurunan ini sebahagiannya diimbangi oleh prestasi E&E yang berdaya tahan (17.3%, S3 2022: 41.4%) berikutan permintaan yang berterusan daripada Singapura, AS dan China.

Pertumbuhan import kasar menyusut kepada 18.7% (S3 2022: 46.5%). Penyusutan ini mencerminkan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana serta kadar pengumpulan inventori yang lebih perlahan. Hasilnya, lebihan dagangan bertambah kepada RM67.6 bilion (S3 2022: RM64.5 bilion).

R15 Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa lebih tinggi

Akaun semasa imbangan pembayaran mencatatkan lebihan yang lebih tinggi berjumlah RM25.7 bilion, atau 5.5% daripada KDNK pada suku keempat (S3 2022: RM14.1 bilion atau 3.1% daripada KDNK).

Akaun barangan[6] mencatatkan lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM51.7 bilion (S3 2022: RM43.0 bilion). Defisit perkhidmatan mengecil sedikit kepada RM8.6 bilion (S3 2022: -RM9.6 bilion) didorong terutamanya oleh pendapatan daripada perjalanan (travel receipts) yang lebih tinggi berikutan pemulihan dalam aktiviti pelancongan.

[6] Lebihan barangan dan perdagangan berbeza kerana barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan dalam hak milik) adalah dikecualikan daripada akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi ke-6 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa.

R16 Aliran Akaun Kewangan mengikut Komponen Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM1.0 bilion (S3 2022: -RM14.9 bilion). Hal ini mencerminkan aliran keluar bersih pelaburan portfolio dan pelaburan langsung, yang diimbangi sebahagiannya oleh aliran masuk bersih pelaburan lain.

Aliran masuk pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) (RM19.3 bilion; S3 2022: RM12.3 bilion) yang lebih tinggi memberikan manfaat terutamanya kepada sektor perkilangan dan subsektor perkhidmatan bukan kewangan. Aliran keluar pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) (-RM28.7 bilion; S3 2022: -RM10.3 bilion) disalurkan terutamanya ke dalam subsektor perkhidmatan bukan kewangan dan sektor perkilangan. Pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih yang besar pada suku keempat (-RM26.7 bilion; S3 2022: +RM0.1 bilion) disebabkan terutamanya oleh penebusan sekuriti hutang domestik yang dipegang oleh pelabur bukan pemastautin apabila sampai tempoh matang. Pelaburan lain kembali pulih apabila mencatatkan aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM36.8 bilion (S3 2022: -RM16.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh penerimaan pemberian pinjaman antara bank oleh bank-bank pemastautin. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM2.1 bilion pada suku keempat, atau -0.3% daripada jumlah perdagangan.

R17 Perubahan dalam Hutang Luar Negeri



Pemacu utama perubahan:

- ***Ringgit lebih kukuh berbanding dolar AS***
- ***Pembayaran balik bersih bon antarabangsa yang matang***
- ***Penebusan bersih sekuriti hutang domestik Kerajaan yang matang di pegang oleh bukan pemastautin***

[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran. Negatif menunjukkan pembayaran balik bersih atau kematangan sekuriti hutang.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM1,144.0 bilion, atau 64.0% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2022 (akhir bulan September 2022: RM1,169.4 bilion atau 67.0% daripada KDNK). Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berikutan profil mata wang dan profil tempoh matangnya yang bersesuaian. Hampir satu pertiga daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit yang tidak akan dipengaruhi oleh turun naik dalam kadar pertukaran ringgit. Sementara itu, hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FCY) sebahagian besarnya tertakluk kepada keperluan kehematan dan lindung nilai BNM.[7] Selain itu, 14.4% daripada hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing adalah dalam bentuk pinjaman antara syarikat berkaitan yang diterbitkan antara entiti asing yang berkaitan. Pinjaman ini secara umumnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

[7] 32.4% daripada hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing adalah tertakluk pada keperluan lindung nilai BNM yang merangkumi bon dan nota yang diterbitkan di luar pesisir terutamanya oleh syarikat bukan kewangan, serta pinjaman. Sementara itu, pengurusan institusi perbankan terhadap risiko mudah tunai FCY yang timbul daripada peminjaman antara bank dan deposit bukan pemastautin (mencakupi 34.4% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY) juga tertakluk pada piawaian kehematan yang dikeluarkan oleh BNM. Untuk maklumat lanjut berkenaan penilaian risiko hutang luar negeri institusi perbankan, sila rujuk muka surat 38, Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2022 BNM, melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/8440087/fsr22h1_bm_book.pdf

R18 Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (RM bilion, % bahagian)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Dari segi tempoh matang, 57.9% daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai tempoh jangka sederhana hingga panjang, lantas mengehadkan risiko pelanjutan. Pada 31 Januari 2023, rizab antarabangsa kekal mencukupi pada USD115.2 bilion. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 5.1 bulan import barangan dan perkhidmatan[8] dan berjumlah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

[8] Untuk maklumat lanjut tentang penunjuk ini, sila rujuk rencana mengenai "Peluasan Ukuran Liputan Rizab bagi Import – daripada Import Tertangguh kepada Import Barangan dan Perkhidmatan" pada halaman 27, penerbitan Buletin Suku Tahunan BNM Suku Keempat 2021, yang boleh dicapai melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6118085/qb2021q4_bm_box_imports.pdf

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Sorotan

- Pada suku keempat tahun 2022, keadaan kewangan domestik mereda berikutan kadar hasil bon yang lebih rendah dan penilaian ekuiti yang lebih tinggi.
- Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS), sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau.
- Kadar faedah meningkat pada suku keempat susulan kenaikan OPR.
- Pertumbuhan kredit menjadi sederhana susulan bayaran balik pinjaman mengatasi pengeluaran pinjaman.

Keadaan kewangan global kekal ketat pada permulaan suku keempat dan mula mereda mulai bulan November 2022 berikutan tanda-tanda inflasi di AS telah mencapai kemuncaknya. Sejak itu, pengukuhan dolar AS telah menjadi sederhana kerana peserta-peserta pasaran kini menjangkakan kenaikan kadar faedah yang lebih kecil oleh Federal Reserve AS. Sentimen pelabur global juga bertambah baik disebabkan oleh pembukaan semula ekonomi China dan jangkaan kesan limpahan yang positif susulan perkembangan ini kepada negara serantau.

Kadar hasil bon menurun berikutan dasar monetari global yang mengetat pada kadar yang lebih perlahan

R19 Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia dan ETP

Kadar hasil bon serantau termasuk di Malaysia jatuh pada suku keempat berikutan kesanggupan pelabur mengambil risiko yang bertambah baik. Keluk kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) menurun dengan kadar hasil untuk tempoh 3 tahun, 5 tahun, dan 10 tahun masing-masing berkurang sebanyak 10, 20, dan 34 mata asas. Sementara itu, FBM KLCI meningkat sebanyak 7.2%, disokong oleh pertumbuhan KDNK Malaysia pada suku ketiga yang lebih baik daripada jangkaan serta pembentukan Kerajaan baharu pada bulan November 2022.

Mencerminkan perkembangan global ini, trend ringgit yang sebelum ini menurun nilai berbanding dengan dolar AS telah berubah arah. Sejajar dengan mata wang serantau lain, ringgit mengakhiri suku ini dengan penambahan nilai yang lebih kukuh sebanyak 5.3% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga mengukuh sedikit berbanding dengan beberapa rakan perdagangan utama, dengan kadar pertukaran efektif nominal (*nominal effective exchange rate*, NEER)[9] bagi ringgit menambah nilai sebanyak 0.4% pada suku keempat.

Pasaran ekuiti meningkat, mencerminkan kesanggupan pelabur mengambil risiko yang bertambah baik

R20 Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg dan Bursa Malaysia

[9] NEER merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal bagi ringgit, iaitu indeks yang mengukur prestasi ringgit berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia.

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS, sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau

R21 **Prestasi Indeks Dolar AS dan Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS**



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar faedah meningkat pada suku keempat susulan kenaikan OPR

Susulan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas pada 3 November 2022, kadar faedah dalam pasaran borong dan runcit meningkat lebih tinggi. Kadar antara bank lebih tinggi pada suku keempat, mencerminkan kenaikan OPR, jangkaan pasaran bagi kenaikan OPR yang selanjutnya serta persaingan yang lebih tinggi bagi pembiayaan dalam kalangan bank menjelang akhir tahun untuk meningkatkan nisbah pengawalseliaan. Bagi suku itu, KLIBOR 1 bulan dan 3 bulan masing-masing meningkat sebanyak 31 dan 62 mata asas untuk mengakhiri tempoh tersebut pada 2.98% dan 3.68% (S3 2022: 2.67% dan 3.06%).

Dalam pasaran runcit, kadar pemberian pinjaman dan deposit juga bertindak balas terhadap kenaikan OPR. Kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 37 mata asas, mencerminkan kenaikan OPR pada suku tersebut dan kesan pindahan yang berterusan daripada kenaikan OPR yang lepas. Pulangan kepada pendeposit juga lebih tinggi, dengan kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) purata berwajaran nominal meningkat antara 20 hingga 29 mata asas bagi tempoh 1 hingga 12 bulan. Kadar FD benar[10] meningkat, namun pada tahap yang lebih rendah, berikutan jangkaan inflasi yang meningkat sedikit.

R22 Kadar Faedah (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Consensus Economics

[10] Kadar deposit tetap benar dikira dengan mengambil perbezaan antara kadar deposit tetap nominal dengan jangkaan inflasi. Jangkaan inflasi diukur sebagai kadar jangkaan purata inflasi bagi tempoh 12 bulan yang akan datang (berdasarkan data daripada *Consensus Economics*). Pengukuran ini dianggarkan melalui kadar purata unjuran bagi kalendar tahun semasa dan kalendar bagi tahun hadapan, dengan wajaran diberikan mengikut bahagian mereka dalam tempoh unjuran 12 bulan tersebut. Kaedah pengukuran ini sebanding dengan penggunaan unjuran berdasarkan tempoh seperti yang terdapat dalam penulisan akademik, termasuk oleh Dovern et al. (2012) dan Siklos (2013).

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem untuk memudahkan aktiviti pengantaraan kewangan. Tahap mudah tunai terkumpul yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia meningkat pada suku keempat, didorong terutamanya oleh operasi suntikan mudah tunai yang lebih tinggi. Pada peringkat institusi, hampir semua bank mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai dengan Bank pada akhir bulan Disember 2022. Dengan tamatnya tempoh fleksibiliti Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR)[11] pada 31 Disember 2022, semua bank terus mampu mematuhi keperluan SRR.

R23

Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

[11] Fleksibiliti ini, yang membolehkan institusi perbankan menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII) untuk memenuhi pematuhan SRR, diperkenalkan pada permulaan pandemik bagi memberikan lebih fleksibiliti kepada bank-bank dalam pengurusan mudah tunai dan menyokong pasaran bon untuk terus berfungsi dengan lancar.

Pertumbuhan kredit menjadi sederhana susulan bayaran balik pinjaman mengatasi pengeluaran pinjaman

Kredit kepada sektor swasta bukan kewangan[12] meningkat sebanyak 4.7% pada suku keempat (S3 2022: 5.3%) pada asas tahunan. Penurunan ini disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul[13] yang lebih rendah (4.7%; S3 2022: 5.7%). Sementara itu, pertumbuhan bon korporat terkumpul terus meningkat kepada 4.6% (S3 2022: 4.0%).

Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak 3.3% (S3 2022: 4.8%) berikutan pertumbuhan bayaran balik pinjaman yang terus kukuh dan mengatasi pertumbuhan pengeluaran pinjaman, khususnya bagi segmen bukan PKS. Meskipun pertumbuhan permohonan pinjaman lebih perlahan, pertumbuhan pengeluaran pinjaman kekal mampan (12.0%; S3 2022: 18.0%), khususnya untuk pinjaman modal kerja berikutan syarikat terus menggunakan kemudahan kredit mereka yang sedia ada. Pinjaman berkaitan pelaburan[14] juga terus menggalakkan, terutamanya untuk pembelian harta bukan kediaman dalam sektor perdagangan borong dan runcit, serta sektor perkilangan.

Bagi isi rumah, pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 5.5% (S3 2022: 6.2%), berikutan pertumbuhan pengeluaran pinjaman yang agak perlahan serta pertumbuhan bayaran balik pinjaman yang mampan. Pertumbuhan pengeluaran pinjaman yang lebih sederhana (10.3%; S3 2022: 48.1%) mencerminkan pertumbuhan permohonan pinjaman yang lebih rendah, terutamanya bagi pembelian rumah. Pengeluaran pinjaman bagi pembelian kereta juga meningkat pada kadar yang lebih perlahan berikutan tamatnya pelepasan cukai jualan ke atas kenderaan baharu pada bulan Jun.

R24

Sumbangan terhadap Pertumbuhan Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

[12] Mulai Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data berhubung dengan pembiayaan yang disalurkan ke arah penjanaan kegiatan ekonomi dalam negeri. Siri data ini menggantikan siri sebelumnya iaitu pembiayaan bersih kepada sektor swasta. Bagi bon korporat, siri ini kini termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam sebagai tambahan kepada bon jangka panjang dan sukuk, serta tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank. Jumlah pinjaman kini merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada institusi kewangan, kerajaan, institusi kewangan bukan bank dan entiti lain. Siri data baharu ini boleh didapati dalam Jadual Sorotan dan Perangkaan Bulanan 2.18.

[13] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

[14] Terdiri daripada pinjaman bagi pembelian harta bukan kediaman dan berkaitan perniagaan, pembelian aset tetap serta pembelian bagi tujuan pembinaan.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) terus menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kepada 2.75% pada mesyuarat bulan November 2022 dan seterusnya mengekalkan OPR pada kadar tersebut pada mesyuarat bulan Januari 2023.
- MPC akan menilai kesan pelarasan OPR terdahulu secara kumulatif terhadap ekonomi.

Dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi

Berlatarkan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang terus positif, MPC telah membuat pelarasan selanjutnya terhadap tahap akomodasi monetari dengan menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% pada mesyuarat bulan November 2022. Pelarasan itu bertujuan untuk menguruskan dengan lebih awal risiko permintaan yang berlebihan terhadap tekanan harga, selaras dengan penyesuaian semula penetapan dasar monetari yang mengimbangi risiko terhadap inflasi dalam negeri dan pertumbuhan yang mampan.

Pada mesyuarat seterusnya pada bulan Januari 2023, MPC telah mengekalkan OPR pada 2.75%. Keputusan ini membolehkan MPC menilai kesan pelarasan OPR terdahulu secara kumulatif memandangkan kesan sela masa (*lag effect*) dasar monetari terhadap ekonomi. Pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi.

MPC menilai bahawa ekonomi global terus terjejas akibat tekanan kos yang kekal tinggi, kadar faedah yang lebih tinggi serta gangguan berkaitan COVID-19 di China. Kesan faktor-faktor ini melebihi kesan sokongan daripada keadaan pasaran pekerja yang positif serta pembukaan semula sepenuhnya ekonomi dan sempadan antarabangsa. Inflasi keseluruhan menurun sedikit daripada tahap yang tinggi sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, inflasi teras kekal melebihi purata yang pernah dicatatkan sebelum ini. Bagi menguruskan tekanan inflasi, bank-bank pusat dijangka terus menaikkan kadar faedah, meskipun pada kadar yang lebih perlahan. Tindakan ini

akan menyebabkan prospek pertumbuhan global terus menghadapi rintangan. Namun begitu, pertumbuhan di China dijangka bertambah baik apabila gelombang semasa COVID-19 di negara itu reda. Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan, termasuk ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, pertumbuhan sebenar di ekonomi utama yang lebih lemah daripada jangkaan dan keadaan pasaran kewangan yang menjadi ketat secara ketara.

Bagi Malaysia, data terkini pada mesyuarat MPC bulan Januari 2023 menunjukkan bahawa ekonomi terus berkembang pada suku terakhir tahun 2022 disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Hasilnya, pertumbuhan pada tahun 2022 akan melebihi julat unjuran awal, iaitu 6.5% hingga 7.0%. Selepas mencatatkan prestasi yang kukuh pada tahun 2022, MPC menjangkakan pertumbuhan menjadi sederhana pada tahun 2023 berikutan ekonomi global yang lebih perlahan. Pertumbuhan akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri. Perbelanjaan isi rumah akan disokong oleh prospek pekerjaan dan pendapatan yang terus bertambah baik. Ketibaan pelancong terus bertambah, lantas menggiatkan lagi sektor berkaitan pelancongan. Pelaksanaan projek infrastruktur berbilang tahun akan menyokong aktiviti pelaburan. Risiko pertumbuhan ekonomi dalam negeri menjadi perlahan terus berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, aktiviti penghindaran risiko yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan global yang didorong oleh dasar monetari yang semakin ketat secara lebih agresif di ekonomi utama, konflik geopolitik yang semakin meruncing serta gangguan ketara pada rantaian bekalan yang kembali wujud.

Setakat pada mesyuarat MPC bulan Januari 2023, inflasi keseluruhan pada tempoh bulan Januari hingga November 2022 berpurata sebanyak 3.4%. Seperti yang diunjurkan, inflasi keseluruhan mencapai tahap tertinggi pada suku ketiga tahun 2022, manakala purata inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, adalah sebanyak 2.9% hingga bulan November 2022. Bagi keseluruhan tahun 2023, inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka sederhana namun kekal pada tahap yang tinggi berikutan tekanan permintaan dan kos yang berlarutan. Kawalan harga dan subsidi bahan api sedia ada serta lebihan kapasiti dalam ekonomi yang masih ada akan terus membendung sebahagian daripada tahap tekanan inflasi yang meningkat. Imbangan risiko terhadap prospek inflasi cenderung ke arah inflasi menjadi lebih tinggi dan kekal sangat bergantung pada sebarang perubahan pada dasar dalam negeri berhubung dengan subsidi dan kawalan harga serta perkembangan harga komoditi global.

Langkah seterusnya untuk mengembalikan tahap akomodasi dasar monetari ke tahap yang wajar akan ditentukan oleh penilaian MPC tentang keadaan yang berubah-ubah dan kesannya terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. MPC akan terus menetapkan dasar monetari yang mengimbangi risiko inflasi dalam negeri dan pertumbuhan yang mampan.

Tinjauan Makroekonomi

Sorotan

- Pertumbuhan global akan perlahan pada tahun 2023.
- Ekonomi Malaysia akan terus berkembang, didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri.
- Inflasi keseluruhan dijangka kekal tinggi pada tahun 2023.

Prospek global yang amat mencabar dan tidak menentu

Ekonomi global akan disokong oleh beberapa faktor positif seperti pasaran pekerja yang berdaya tahan, keadaan rantaian bekalan yang semakin baik dan pemulihan yang berterusan dalam aktiviti perkhidmatan, khususnya pelancongan. Walau bagaimanapun, sokongan yang semakin berkurang daripada pembukaan semula kebanyakan ekonomi, inflasi yang tinggi, dasar monetari yang lebih ketat dan eksport yang lebih perlahan akan menjejaskan pertumbuhan global. Di China, pembukaan semula ekonominya akan menyokong pemulihan dalam perbelanjaan pengguna dan aktiviti pelancongan, dengan limpahan positif terhadap pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, pemulihan yang nyata mungkin hanya boleh dilihat pada separuh kedua tahun 2023 memandangkan gangguan daripada penularan semula COVID-19 yang masih berlaku serta kekangan kapasiti dari segi penerbangan antarabangsa keluar dan masuk ke China.

Imbangan risiko kepada pertumbuhan global terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan. Risiko berpunca daripada ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, pertumbuhan sebenar di ekonomi-ekonomi utama yang lebih lemah daripada jangkaan dan keadaan kewangan yang menjadi ketat secara mendadak. Sebaliknya, risiko pertumbuhan global menjadi tinggi boleh berpunca daripada permintaan terpendam (*pent-up demand*) yang lebih kukuh daripada jangkaan di ekonomi-ekonomi utama.

Permintaan dalam negeri akan memacu prestasi pertumbuhan Malaysia pada tahun 2023

Ekonomi Malaysia dijangka mengembang pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2023 dalam keadaan persekitaran luaran yang mencabar. Pertumbuhan akan didorong oleh permintaan dalam negeri, disokong oleh pasaran pekerja yang terus pulih dan pelaksanaan projek pelaburan berbilang tahun. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan terus mendorong ekonomi. Sementara itu, eksport yang perlahan berikutan permintaan global yang lebih lemah akan diimbangi sebahagiannya oleh aktiviti pelancongan yang lebih giat.

Imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan Malaysia terus cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Keadaan ini berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, keadaan kewangan yang semakin ketat, konflik geopolitik yang semakin meruncing serta gangguan rantaian bekalan yang semakin buruk.

Sepanjang tempoh 2023, inflasi keseluruhan diunjurkan sederhana namun kekal pada paras tinggi

Sejajar dengan penilaian sebelum ini, purata inflasi keseluruhan adalah lebih tinggi pada 3.3% pada tahun 2022 (2021: 2.5%), setelah mencapai tahap tertinggi iaitu 4.7% pada bulan Ogos 2022 dan kemudiannya menurun, meskipun kekal pada tahap yang tinggi. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, juga meningkat kepada 3.0% (2021: 0.7%).

Sepanjang tempoh 2023, inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka menjadi sederhana namun kekal pada tahap tinggi berikutan tekanan permintaan dan kos yang berlarutan. Khususnya, kadar inflasi teras dijangka kekal tinggi pada jangka terdekat, terutamanya berikutan tahap asas yang rendah pada awal tahun 2022. Terdapat beberapa faktor yang akan terus mengurangkan tekanan kenaikan inflasi pada masa hadapan. Faktor ini termasuk subsidi bahan api yang sedia ada, langkah-langkah kawalan harga serta lebihan kapasiti dalam ekonomi yang masih ada. Imbangan risiko terhadap prospek inflasi cenderung ke arah inflasi menjadi lebih tinggi, khususnya mencerminkan sebarang perubahan pada dasar dalam negeri, perkembangan harga komoditi global serta gangguan berkaitan bekalan yang berpanjangan.

Tambahan

J1 KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2022 (%)	2021		2022				
		S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
		Pertumbuhan tahunan (%)						
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	93.1	1.9	1.7	4.4	13.0	13.1	6.8	9.2
Sektor swasta	75.6	2.5	2.0	4.4	15.4	14.7	7.9	*10.4*
Penggunaan	*60.2*	*3.7*	*1.9*	*5.5*	*18.3*	*15.1*	*7.4*	*11.3*
Pelaburan	*15.4*	*-2.8*	*2.6*	*0.4*	*6.3*	*13.2*	*10.3*	*7.2*
Sektor awam	17.5	0.1	0.6	4.8	2.8	6.3	3.5	4.3
Penggunaan	*13.2*	*1.6*	*5.3*	*6.7*	*2.6*	*4.5*	*2.4*	*3.9*
Pelaburan	*4.4*	*-3.4*	*-11.3*	*-0.9*	*3.2*	*13.1*	*6.0*	*5.3*
Eksport Bersih	5.4	0.8	-4.1	-26.5	-28.7	18.7	23.4	-1.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*71.7*	*13.0*	*15.4*	*8.0*	*10.4*	*23.9*	*9.6*	*12.8*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*66.3*	*14.5*	*17.7*	*11.1*	*14.0*	*24.4*	*8.1*	*14.2*
KDNK Benar	**100.0**	**3.6**	**3.1**	**5.0**	**8.9**	**14.2**	**7.0**	**8.7**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**4.6**	**-**	**3.8**	**3.5**	**1.9**	**-2.6**	**-**

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

J2 KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2022 (%)	2021		2022				
		S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
Perkhidmatan	58.2	3.2	1.9	6.5	12.0	16.7	8.9	10.9
Perkilangan	24.2	9.1	9.5	6.6	9.2	13.2	3.9	8.1
Pertanian	6.6	2.8	-0.2	0.1	-2.4	1.2	1.1	0.1
Perlombongan	6.4	-0.6	0.3	-1.1	-0.5	9.2	6.8	3.4
Pembinaan	3.5	-12.2	-5.2	-6.2	2.4	15.3	10.1	5.0
KDNK Benar	**100.0**	**3.6**	**3.1**	**5.0**	**8.9**	**14.2**	**7.0**	**8.7**

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

J3 Imbangan Pembayaran[1]

	2021		2022		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	**15.3**	**58.7**	**14.1**	**25.7**	**47.2**
(% daripada KDNK)	3.6	3.8	3.1	5.5	2.6
Barangan	51.8	170.6	43.0	51.7	169.3
Perkhidmatan	-15.4	-60.7	-9.6	-8.6	-45.4
Pendapatan primer	-19.6	-41.6	-17.2	-11.5	-63.6
Pendapatan sekunder	-1.4	-9.6	-2.1	-6.0	-13.1
Akaun Kewangan	**0.7**	**13.0**	**-14.9**	**-1.0**	**14.8**
Pelaburan langsung	10.5	28.5	2.0	-9.4	16.0
Aset	-17.2	-48.9	-17.9	-24.8	-50.7
Liabiliti	27.7	77.4	19.9	15.4	66.7
Pelaburan portfolio	2.6	18.8	0.1	-26.7	-51.3
Aset	-6.1	-35.8	2.6	-15.0	-30.6
Liabiliti	8.7	54.6	-2.5	-11.7	-20.7
Derivatif kewangan	-1.8	-2.3	-0.4	-1.7	-2.2
Pelaburan lain	-10.6	-32.0	-16.6	36.8	52.3
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	-13.1	-25.5	**14.1**	**-2.1**	**-8.3**
Imbangan Keseluruhan	**2.6**	**45.7**	**13.2**	**22.4**	**53.3**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

J4 Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2021	2022	
	akhir Dis	akhir Sep	akhir Dis
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**1,082.1**	**1,169.4**	**1,144.0**
Bersamaan USD bilion	*259.8*	*252.2*	*260.6*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	197.2	194.7	176.0
Peminjaman antara bank[1]	176.7	221.3	218.6
Pinjaman antara syarikat berkaitan[1]	144.3	155.7	154.5
Pinjaman[1]	73.7	75.0	75.9
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	255.1	254.3	246.6
Deposit bukan pemastautin	99.9	111.4	111.6
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	28.1	28.6	28.2
Lain-lain[2]	107.0	128.4	132.8
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	676.3	684.2	662.3
Jangka pendek	405.7	485.2	481.7
Denominasi mata wang			
Ringgit	373.0	377.0	378.7
Asing	709.1	792.4	765.4
Jumlah hutang / KDNK (%)	70.0	67.0	64.0
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	37.5	41.5	42.1
Rizab / Hutang jangka pendek (kali)	1.2	1.0	1.1[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Januari 2023.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

J5 Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	2021	2022		2021	2022	
	S4	S3	S4	S4	S3	S4
	Akhir tempoh (RM bilion)			Perubahan tahunan (%)		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]	**2,492.7**	**2,579.2**	**2,608.8**	**4.2**	**5.3**	**4.7**
Bon korporat terkumpul[2]	526.5	542.9	550.6	4.2	4.0	4.6
Pinjaman terkumpul[3,4]	1,966.1	2,036.4	2,058.3	4.2	5.7	4.7
Perniagaan	722.7	744.5	746.5	4.5	4.8	3.3
PKS	*348.4*	*362.2*	*366.0*	*5.7*	*6.4*	*5.0*
Bukan PKS	*370.1*	*377.8*	*376.6*	*3.8*	*3.2*	*1.8*
Isi rumah	1,243.4	1,291.8	1,311.8	4.0	6.2	5.5
Kredit kepada Perniagaan[5]	1,249.2	1,287.4	1,297.1	4.4	4.5	3.8

[1] Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.
[2] Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.
[3] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul serta tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[4] Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursa.
[5] Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

J6 Penunjuk Pinjaman[1]

	2021	2022			2021	2022		
	S4	S3	S4	Tahun	S4	S3	S4	Tahun
	Dalam tempoh (RM bilion)				Perubahan tahunan (%)			
Jumlah Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]								
Permohonan pinjaman	339.0	402.2	322.7	1,398.4	18.6	53.5	-4.8	16.6
Kelulusan pinjaman	159.5	217.9	173.5	712.5	6.9	65.1	8.8	26.2
Pengeluaran pinjaman	500.7	520.3	558.8	2,106.0	10.4	23.7	11.6	16.3
Bayaran balik pinjaman	479.7	532.0	561.8	2,122.6	4.6	27.0	17.1	17.9
Antaranya:								
Perniagaan[3]								
Permohonan pinjaman	112.3	173.9	125.1	540.3	10.6	49.9	11.3	19.0
Kelulusan pinjaman	65.6	114.1	86.2	334.7	-6.2	51.7	31.3	28.6
Pengeluaran pinjaman	390.0	402.6	436.7	1,647.6	11.0	18.0	12.0	14.8
Bayaran balik pinjaman	384.3	419.0	445.9	1,677.9	6.9	24.5	16.0	17.6
PKS								
Permohonan pinjaman	67.1	85.7	67.2	291.2	17.0	47.8	0.3	13.2
Kelulusan pinjaman	31.8	49.7	35.8	154.9	-4.7	47.6	12.6	18.7
Pengeluaran pinjaman	115.4	128.1	129.4	505.1	26.3	34.1	12.1	26.7
Bayaran balik pinjaman	109.8	127.3	125.8	495.6	19.2	32.9	14.6	26.8
Bukan PKS								
Permohonan pinjaman	45.2	87.2	57.7	247.5	2.5	50.6	27.6	26.1
Kelulusan pinjaman	33.7	64.0	50.2	179.2	-7.7	54.2	48.9	38.2
Pengeluaran pinjaman	273.8	273.1	305.5	1,137.0	6.2	11.5	11.6	10.0
Bayaran balik pinjaman	273.7	290.2	318.0	1,176.6	3.4	20.8	16.2	14.1
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	226.6	228.2	197.6	858.0	23.0	56.3	-12.8	15.2
Kelulusan pinjaman	93.9	103.9	87.4	377.8	18.5	83.0	-6.9	24.2
Pengeluaran pinjaman	110.7	117.7	122.1	458.4	8.6	48.1	10.3	22.0
Bayaran balik pinjaman	95.4	113.0	115.9	444.7	-3.7	37.6	21.4	19.0

[1] Pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul, dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[3] Angka-angka bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi jumlah angka bagi perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut dimasukkan dalam pengiraan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

J7 Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan

	2021	2022			
	S4	S1	S2	S3	S4[a]
Pulangan atas ekuiti (%)[1]	9.5	10.9	11.8	12.4	12.4
Pulangan atas aset (%)[1]	1.1	1.2	1.3	1.4	1.4
	RM juta				
Pendapatan faedah bersih	14,681	14,794	15,482	16,280	16,168
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,119	2,922	2,832	2,925	2,899
Tolak: Kos operasi[2]	9,393	8,907	9,230	9,995	10,809
Keuntungan operasi kasar	8,407	8,809	9,085	9,210	8,258
Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	2,064	1,191	910	1,657	631
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	6,344	7,618	8,174	7,553	7,627
Campur: Pendapatan lain[1]	2,394	2,008	3,088	4,554	4,185
Untung sebelum cukai[1]	**8,737**	**9,626**	**11,262**	**12,107**	**11,812**
	Perubahan tahunan (%)				
Pulangan atas ekuiti (mata peratusan)[1]	1.1	2.6	2.2	2.9	2.9
Pulangan atas aset (mata peratusan)[1]	0.11	0.27	0.20	0.29	0.29
Pendapatan faedah bersih	5.6	4.4	5.8	18.7	10.1
Campur: Pendapatan berasaskan fi	-1.1	-8.4	-1.6	2.2	-7.1
Tolak: Kos operasi[2]	6.4	-22.2	2.6	13.9	15.1
Keuntungan operasi kasar	2.2	48.8	6.7	18.1	-1.8
Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	-65.2	-22.8	-57.7	-38.4	-69.4
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	175.9	74.0	28.6	47.9	20.2
Campur: Pendapatan lain[1]	-23.9	-26.2	-4.4	70.1	74.8
Untung sebelum cukai[1]	**60.5**	**35.6**	**17.5**	**55.5**	**35.2**

[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%.
[2] Merujuk kos kakitangan dan overhed.
[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J8 Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2021	2022			
	S4	S1	S2	S3	S4[a]
	RM juta				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	1,048	1,866	-4,139	497	6,383
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	354	258	754	955	1,077
Nisbah tuntutan (%)	61	63	65	52	52
	Perubahan tahunan (%)				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	-75.9	184.3	-223.2	-77.0	509.3
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	-61.3	-63.6	-30.0	3.0	204.0
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	8.3	8.6	13.8	0.0	-8.7

[1] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J9 Kewangan Kerajaan Persekutuan[1]

	2021		2022[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	75.9	233.8	83.3	86.7	294.3
Pertumbuhan tahunan (%)	*-1.4*	*3.9*	*61.7*	*14.3*	*25.9*
Perbelanjaan mengurus	63.4	231.5	69.2	93.7	292.7
Pertumbuhan tahunan (%)	*18.0*	*3.1*	*36.5*	*47.8*	*26.4*
Akaun semasa	**12.5**	**2.3**	**14.1**	**-7.0**	**1.6**
Perbelanjaan pembangunan bersih	13.3	63.3	15.5	24.7	70.2
Pertumbuhan tahunan (%)	*-34.2*	*26.3*	*-29.9*	*85.7*	*10.9*
Kumpulan Wang COVID-19[2]	14.3	37.7	5.6	15.9	31.0
Imbangan keseluruhan	**-15.1**	**-98.7**	**-7.0**	**-47.6**	**-99.6**
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	91.0	332.5	90.3	134.3	393.9
Pertumbuhan tahunan (%)	*7.9*	*6.3*	*16.0*	*47.6*	*18.5*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	979.8	979.8	1074.8	1079.6	1079.6
Hutang Dalam Negeri	714.0	714.0	808.3	821.4	821.4
Hutang Luar Negeri	265.9	265.9	266.5	258.2	258.2
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*240.4*	*240.4*	*241.0*	*233.2*	*233.2*
Peminjaman luar pesisir	*25.5*	*25.5*	*25.4*	*25.0*	*25.0*

a Awalan
Nota:
[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
[2] Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia